

# KERATAN AKHBAR

JUDUL : UTUSAN BORNEO

TARIKH : 24 September 2024

SITASI :

M/S :

Kitab Tib dicalonkan dalam program memory of the world unesco. (2024a, September 24). *Utusan Borneo*, p. 8. Retrieved September 24, 2024, from <https://www.utusanborneo.com.my/2024/09/24/kitab-tib-dicalonkan-dalam-program-memory-of-the-world-unesco>.



## Kitab Tib dicalonkan dalam Program Memory of the World UNESCO

- 2024-09-24T20:21:32+08:00



Hasnol berucap ketika menghadiri Persidangan Antarabangsa Manuskip Melayu (PAMM) 2024 secara hibrid anjuran Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Perpustakaan Negara Malaysia (PM) di Balai Budaya Tun Syed Nasir, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) hari ini.-Gambar BERNAMA

KUALA LUMPUR: Satu daripada koleksi kitab tib atau dikenali sebagai kitab perubatan tradisional di Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah dicalonkan dalam Program Memory of the World UNESCO pada tahun lepas.

Menteri Perpaduan Negara Dato Sri Aaron Ago Dagang berkata pencalonan itu melibatkan manuskrip siri (MSS 1292) merangkumi kaedah perubatan tradisional Melayu dan keputusan pencalonan dijangka diumumkan tahun depan.

“Semoga pencalonan ini membawa hasil dan manuskrip Melayu kitab tib akan dimartabatkan sebagai warisan dunia, sama-sama kita doakan,” katanya dalam ucapan Majlis Perasmian Persidangan dan Pameran Antarabangsa Manuskrip Melayu (PAMM) 2024 di sini hari ini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad.

Aaron berkata kitab tib yang turut dikenali sebagai kitab ubat atau kitab perubatan merupakan warisan budaya yang penting dalam mencerminkan kehebatan ilmu pengetahuan serta tradisi perubatan Melayu yang diwarisi turun-temurun.

“Kebanyakan kitab tib yang ditemui pada hari ini ditulis sekitar abad ke-19 dan 20 Masihi. Penulisan ilmu tib Melayu tidak hanya berbentuk secara khusus tetapi wujud dalam pelbagai genre seperti sastera hikayat dan bidang ilmu ketatanegaraan seperti Sejarah Melayu dan Hukum Kanun Melaka.

“Kitab tib bukan sahaja boleh ditemui di Malaysia malah naskhah ilmu perubatan tradisional ini turut terdapat di negara-negara lain seperti di Leiden, Belanda, United Kingdom, Perancis, Indonesia, Sri Lanka dan beberapa negara Eropah yang lain,” katanya.

Aaron berkata pada 2012, dua kitab tib koleksi PNM telah didaftarkan sebagai warisan kebangsaan objek tidak ketara di bawah kategori warisan bahasa dan persuratan oleh Jabatan Warisan Negara.

Selain itu, beliau berkata PNM juga giat menjalankan kajian dan transliterasi iaitu proses alih aksara tulisan jawi ke tulisan rumi, termasuk terlibat dalam Projek Pendokumentasian Secara Komprehensif Pengetahuan Tradisi Melayu berkaitan Tumbuhan Ubatan di Semenanjung, iaitu sebuah projek inisiatif Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) sejak 2013.

Katanya sebanyak empat kitab tib koleksi PNM telah ditransliterasi dan diterbitkan manakala sebuah lagi kitab tib koleksi PNM akan ditransliterasi tahun ini.

“Hari ini, kita akan menyaksikan PNM mengambil inisiatif dengan menyediakan penerbitan Bibliografi Kitab Tib Beranotasi secara dalam talian yang mengandungi 112 deskripsi kitab tib koleksi PNM serta maklumat-maklumat lain yang boleh dijadikan sumber rujukan bagi tujuan kajian dan penyelidikan,” katanya.

Dalam pada itu, Aaron berkata PNM memainkan peranan penting dalam tadbir urus, pemeliharaan dan pemuliharaan manuskrip Melayu serta menjadi pusat repositori manuskrip Melayu yang terbesar di rantau ini dengan jumlah koleksi sebanyak 5,252 judul.

Beliau berkata Kementerian Perpaduan Negara menerusi PNM melaksanakan pelbagai inisiatif program termasuk inisiatif persepakatan pintar dengan pelbagai pihak demi memartabatkan dan melestarikan manuskrip Melayu antaranya Projek Pengesahan

Manuskrip Melayu di dalam dan luar negara serta Pendigitalan Koleksi Khazanah Warisan Negara.

“Menjadi harapan saya agar persidangan ini menjadi wahana perkongsian ilmu yang berprestij serta dapat meningkatkan pengetahuan dan apresiasi masyarakat terhadap manuskrip-manuskrip Melayu, khazanah warisan intelek negara yang tinggi nilai ilmunya,” katanya.

Persidangan Antarabangsa Manuskrip Melayu ke-7 dengan tema Kitab Tib: 1,001 Rahsia Ilmu Perubatan Tradisional anjuran PNM berlangsung hari ini dan esok. -- BERNAMA

Sumber : <https://www.utusanborneo.com.my/2024/09/24/kitab-tib-dicalonkan-dalam-program-memory-of-the-world-unesco>